

MB Terengganu Ahmad Razif Dijangka Bertemu Perdana Menteri Di Putrajaya Rabu

Bernama

May 13, 2014

KUALA TERENGGANU, 13 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Terengganu Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman dijangka bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Putrajaya esok untuk membincangkan perkembangan politik di Terengganu.

Perkara ini disahkan Exco Pelancongan dan Kebudayaan negeri Datuk Mohd Jidin Shafee menerusi khidmat pesanan ringkas kepada Bernama.

Mohd Jidin, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Permaisuri, berkata Ahmad Razif yang ditemani beliau dan beberapa Adun lain dijangka membincangkan perkembangan politik dalaman negeri selepas perdana menteri mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet esok.

Awal hari ini, tiga Adun Barisan Nasional (BN) bertindak keluar daripada Umno untuk menjadi wakil rakyat bebas berikutan pelantikan Ahmad Razif sebagai menteri besar yang baharu.

Tiga Adun berkenaan ialah bekas Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said (Kijal), Ghazali Taib (Ajil) dan Roslee Daud (Bukit Besi).

Susulan perkembangan terbaharu ini, BN kini menguasai 15 daripada 32 kerusi DUN Terengganu, PAS (14), PKR (1) dan Bebas (2).

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1038017>